

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Shahnon Ahmad merupakan seorang _____ scrba bolch kerana berkeupayaan menghasilkan karya-karya bermutu dalam bidang cerpen, novel, drama, esai, dan kritikan.
A penyair
B penerbit
C pengarah
D pengarang
- 2 Mahasiswa itu menghadiri _____ untuk mendapatkan jawatan di syarikat terkemuka itu.
A temu bual
B temu duga
C soal jawab
D janji temu

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Pemimpin masa hadapan mesti mempunyai kemahiran tambahan dan *menuntut* pemikiran terbuka.
II Wakil-wakil rakyat perlu menjalankan tugas mereka berlandaskan prinsip integriti dan memberikan khidmat untuk rakyat tanpa *menuntut* balasan.
III Orang-orang kampung itu *menuntut* pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pegawai yang terlibat dalam penyalahgunaan kuasa.
IV Amirul rajin *menuntut* ilmu kerana dia ingin menjadi pemimpin negara.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Dapur rumahnya menjadi *lega* selepas diubah suai.
II Jika ada masa yang *lega*, saya akan berkunjung ke rumahnya.
III Saya berasa *lega* kerana semua tugas yang diberikan oleh guru telah selesai.
IV Kehidupan keluarga Pak Karim semakin *lega* sejak anaknya tamat universiti dan mendapat pekerjaan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Fatin membelikan cenderamata banyak untuk diberikan kepada rakan-rakannya ketika melancong ke Pulau Langkawi.
 - A beli banyak cenderamata
 - B membeli banyak cenderamata
 - C banyak membelikan cenderamata
 - D membelikan cenderamata banyak
- 6 Penduduk Taman Setia bergotong-royong untuk memperindahkan halaman balai raya dengan menanam pelbagai jenis bunga.
 - A bergotong-royong indahkan
 - B bergotong-royong untuk mengindah
 - C bergotong-royong untuk memperindah
 - D bergotong-royong untuk memperindahkan

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7
 - I Wah, cuaca di Bukit Fraser sangat nyaman sekali!
 - II Pilihan raya akan diadakan untuk memilih wakil-wakil rakyat.
 - III Faktor minat menjadi pendorong utama di dalam pemilihan kerjaya.
 - IV Program itu bertujuan membantu usahawan menghasilkan produk bagi memenuhi permintaan pasaran.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja
- 8
 - I Pulau Sipadan digemari oleh para penyelam skuba.
 - II Ekopelancongan merupakan antara tarikan utama di Malaysia.
 - III Dengan kata lain, bersukan memang membawa banyak manfaat.
 - IV Perajurit-perajurit negara sanggup berjuang bermati-matian demi untuk mempertahankan tanah air tercinta.
 - A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 **Musim kemarau yang berlanjutan akan menyebabkan paras air di semua empangan semakin surut.**
 - A Paras air akan surut sekiranya musim kemarau dipanjangkan.
 - B Paras air di semua empangan akan surut jika musim kemarau berterusan.
 - C Hampir semua air di empangan akan surut sekiranya musin kemarau berterusan.
 - D Semua empangan akan mengalami musim kemarau yang berterusan sekiranya paras air susut.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Aina ingin mencapai cita-citanya untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Walaupun menghadapi pelbagai dugaan dan cabaran, Aina tetap gigih berusaha. Kini, Aina boleh berbangga kerana dia telah menjadi seorang usahawan wanita yang berjaya.

Antara peribahasa berikut sesuai untuk menggambarkan situasi di atas, **kecuali**

- A alang-alang mandi biar basah.
- B genggam bara api biar sampai jadi arang.
- C baik berjagung-jagung, sementara padi belum masak.
- D alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

Pantun Dua Kerat (Nasihat)

Berapa jauh wujud dengan sifat,
Sejauh lutut dengan pelipat.

Sarang semut dalam gelap,
Orang selimut selalu lelap.

Hitam-hitam pucuk kawa,
Sungguh hitam dipandang lawa.

Emas, perak, tembaga, suasa,
Malas bergerak tidak merasa.

Buah sintang buah senikul,
Satu memegang satu memikul.

Mohd Yusof Md Nor dan Abd Rahman Kaeh

Dipetik daripada antologi *Kuingin Berterima Kasih*,
Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 11 Apakah maksud *sungguh hitam dipandang lawa*?

- A Setiap orang ada kelebihanannya.
- B Orang yang rajin berusaha akan mengecapi kejayaan.
- C Seseorang akan dipandang mulia jika mempunyai wajah yang cantik.
- D Sikap baik hati perlu dijadikan amalan dalam kehidupan seharian.

12

Satu memegang satu memikul.

Peribahasa berikut sesuai dengan baris pantun di atas, **kecuali**

- A bagai aur dengan tebing.
- B bukit sama didaki, lurah sama dituruni.
- C berat sama dipikul, ringan sama dijinjing.
- D berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.

13

Buah sintang buah senikul

Apakah gaya bahasa bagi baris pantun di atas?

- A Simile
- B Repetisi
- C Metafora
- D Hiperbola

14 Berdasarkan rangkap keempat *Pantun Dua Kerat (Nasihat)*, apakah perkara yang perlu kita lakukan agar mengecapi kejayaan dalam hidup?

- A Rajin berusaha.
- B Berfikiran positif.
- C Bijak menyelesaikan masalah.
- D Mengamalkan sikap bekerjasama.

15 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang pantun di atas?

- A Orang yang malas akan menghadapi kegagalan.
- B Kita perlu bijak menyesuaikan diri di perantauan.
- C Kita perlu berdikari dan tidak mengharapkan bantuan orang lain.
- D Kita akan dipandang rendah oleh masyarakat jika bersikap malas.